JABATAN PERANGKAAN
MALAYSIA

# SEKRETARIAT DAN JAWATANKUASA KHAS DOSM MENANGANI COVID-19:

# STATISTIK & INFO-MEDIA (BDA)

## BIL 35/2020

## RUJUKAN : 26 APRIL 2020

@MyCensus2020
@StatsMalaysia
BANCI PENDUDUK & PERUMAHAN MALAYSIA 2020
DATA ANDA MASA DEPAN KITA
7 JULAI 2020
www.dosm.gov.my
www.mycensus.gov.my

## RINGKASAN LIPUTAN BERITA MUTAKHIR WABAK COVID-19 DAN KESAN KEPADA EKONOMI

### 1. PENDAHULUAN

Statistik pandemik COVID-19 di seluruh dunia secara umumnya masih berterusan menggugat aspek kesihatan global. Gelombang penularan wabak ini menyaksikan sehingga kini jangkitan positif hampir mencecah 3 juta kes dengan melibatkan angka korban melebihi 200 ribu nyawa. Amerika Syarikat (AS), Sepanyol, Itali, Perancis dan Jerman merupakan antara negara yang sedang berhadapan situasi getir apabila peningkatan demi peningkatan dicatatkan seterusnya kekal mendominasi 5 senarai teratas kumulatif jangkitan positif. Sementara itu, Iran menyertai kelompok negara – negara yang telah memintas kedudukan China pada 24 April 2020 dan berada di kedudukan ke-8 di bawah United Kingdom dan Turki. Disebalik angka-angka yang merunsingkan di peringkat global, Malaysia dilihat mempunyai rekod kemajuan yang lebih baik menerusi pertambahan kes positif harian yang terkawal serta tren kes aktif yang semakin menurun.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) masih mempergiat aktiviti pengesanan, penyaringan, ujian, isolasi serta rawatan terutama kepada kumpulan sasar yang berisiko tinggi dengan 'pendekatan tertumpu' (*targeted approach*). Usaha ini dijalankan dengan kerjasama pelbagai agensi kerajaan dan bukan kerajaan. Antara aktiviti 'pendekatan tertumpu' adalah menerusi Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan yang bertujuan menghentikan rantaian penularan di lokasi-lokasi berisiko tinggi. Selain itu, penyediaan stesen kuarantin khususnya kepada masyarakat yang pulang dari luar negara telah mendorong kepada pengesanan awal kes jangkitan. Sehingga 24 April 2020, KKM menyatakan seramai 12,672 individu telah menjalani ujian COVID-19 manakala 139 individu telah disahkan positif (1.1 peratus). Berdasarkan statistik negara dilawati bagi kes positif tersebut, sebanyak 99 kes adalah dari individu yang melawat Indonesia, United Kingdom (14 kes), Singapura (13 kes), Turki (5 kes), Belanda (3 kes), Amerika Syarikat (2 kes) dan 1 kes masing-masing melawat Thailand, Perancis dan Bangladesh. Tindakan proaktif ini ternyata mampu mengekang penularan di kalangan kumpulan yang berisiko.

Kementerian Kesihatan Malaysia memaklumkan pada 26 April 2020 **kumulatif kes sembuh meningkat kepada 3,862** iaitu 66.8 peratus daripada keseluruhan kes berbanding **1,820 kes yang masih aktif**. Sementara itu, sebanyak **38 kes positif baharu** direkodkan dan menjadikan jumlah jangkitan positif meningkat kepada **5,780 kes. Kawasan Lembah Klang mendominasi** kes positif dengan menyumbang **sebanyak 45.7 peratus**, Zon Selatan (22.2 peratus), Wilayah Malaysia Timur (14.0 peratus), Zon Pantai Timur (9.6 peratus) dan Zon Utara (8.4 peratus). Di peringkat negeri, **pertambahan kes baharu** antaranya adalah menerusi catatan

**di W.P Kuala Lumpur** dengan **merekodkan 16 kes,** disusuli Sarawak (7 kes), Selangor (6 kes) dan Johor sebanyak 4 kes. Secara umumnya, tiada penambahan kes positif dicatatkan bagi 7 buah negeri termasuk satu Wilayah Persekutuan. Selain itu, sejumlah **98 kes kematian** telah dilaporkan sehingga kini dengan tiada pertambahan **kematian terbaharu** seperti pada Jadual 1.

Statistik **pecahan kes kumulatif jangkitan positif mengikut daerah** menunjukkan sebanyak **30 daerah** kekal dikategorikan **sebagai zon merah (41 kes ke atas)**. Namun begitu, sehingga 25 April 2020, hanya **13 daerah** daripada kategori tersebut yang masih mempunyai status **kes aktif dengan kebolehjangkitan** melebihi 41 kes**.** Pada masa yang sama, **sejumlah 67 daerah** dari seluruh negara berada dalam kelompok **zon hijau** (tanpa kes aktif) dengan **26 daripadanya mengekalkan rekod tanpa jangkitan positif COVID-19** sejak wabak mula menular.

**Jumlah keseluruhan jangkitan COVID-19** di seluruh dunia meningkat kepada **2,900,460 kes** dengan melibatkan **203,055 kes kematian. Amerika Syarikat mendominasi** bilangan kes positif sebanyak **939,249 kes,** disusuli Sepanyol dengan 223,759 kes dan Itali sebanyak 195,351 kes. Sementara itu, **di peringkat ASEAN Singapura merekodkan** catatan 13,624 kes mengatasi beberapa negara anggota antaranya Indonesia (8,607 kes), Filipina (7,579 kes) termasuk Malaysia (5,780 kes). **Kematian tertinggi** global direkodkan oleh **Amerika Syarikat iaitu 53,934 kes,** diikuti Itali yang mencatatkan 26,384 kes, Sepanyol (22,902 kes) dan Perancis (22,648 kes). Kadar kematian peringkat dunia adalah 7.0 peratus manakala kes sembuh merekodkan 822,860 kes (28.37 peratus) seperti pada Jadual 2.

Kejutan ekonomi global berikutan impak penularan pandemik ini sangat mempengaruhi sebahagian besar ekonomi negara di dunia. Beberapa petikan perkongsian *headlines* daripada pelbagai rujukan memberikan butiran pasaran ekonomi antarabangsa seperti berikut;

> **AS**: **Industri minyak & gas memberhentikan hampir 51,000 pekerjaan penggerudian dan penapisan pada bulan Mac 2020, iaitu pengurangan sebanyak 9 peratus dari keseluruhan.** Keadaan ini berkemungkinan akan bertambah buruk apabila harga niaga hadapan minyak jatuh ke negatif pada minggu lepas. Kehilangan pekerjaan ini tidak termasuk 15,000 kerja-kerja berkaitan seperti pembinaan, pembuatan peralatan penggerudian dan perkapalan yang turut terkesan. BW Research mendapati pertumbuhan pekerjaan bagi 5 ke 7 tahun telah terhapus dalam jangkamasa sebulan. **Agensi berkenaan turut menjangkakan pekerjaan sektor minyak & gas boleh menurun sebanyak 30 peratus pada suku pertama 2020.** Industri ini menghadapi kejutan berkembar iaitu penurunan permintaan dan perang harga minyak antara Rusia dan Arab Saudi. (Bloomberg)
>
> **CHINA: Import minyak mentah China dari pembekal utama Arab Saudi turun 1.6 peratus dari tahun sebelumnya** manakala pembelian dari pembekal nombor 2 iaitu **Rusia meningkat 31 peratus.** Import minyak mentah

China pada bulan Mac meningkat 4.5 peratus kepada 9.68 juta tong sehari (bpd) apabila kilang penapis minyak meningkatkan jumlah stok ketika harga lebih murah walaupun permintaan bahan bakar domestik jatuh dan kadar proses penapisan menurun kerana kesan pandemik COVID-19. Maklumat dari kastam menunjukkan jumlah penerimaan **dari Arab Saudi berjumlah 7.21 juta tan iaitu bersamaan 1.7 juta tong sehari**. Ia adalah lebih rendah berbanding 1.73 juta tong sehari pada tahun sebelumnya dan purata 1.79 juta tong sehari yang diimport pada dua bulan pertama tahun ini. Rusia membekalkan 7.02 juta tan bulan lalu, atau 1.66 juta tong sehari manakala import China dari AS kekal hampir kepada sifar pada bulan Mac. Selain itu, **import China dari pengeluar Timur Tengah meningkat 11.3 peratus** menunjukkan tanda-tanda pelonggaran sekatan AS terhadap eksport minyak Iran. (Reuters)

**TURKI**: **Kerajaan Turki memperuntukkan sekitar 107 bilion lira (AS$15 bilion) kepada perniagaan khususnya kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS)**. Ini menjadikan jumlah keseluruhan pakej bagi mengatasi kesan COVID-19 mencapai 200 bilion lira yang meliputi bantuan kewangan kepada kira-kira 4 juta warganegara yang terkesan. Turki telah memperluaskan program tindak balas kepada wabak berkenaan melalui pembelian bon bank pusat. Pada Ketika ini, dilaporkan lebih dari 100,000 kes COVID-19 dengan lebih 2,600 kematian di Turki. (Bloomberg)

**FILIPINA: Pandemik COVID-19 dijangka akan menyebabkan ekonomi Filipina mengalami penurunan tahunan pertama dalam jangkamasa lebih dari dua dekad** sebelum kembali pulih pada 2021. Ini kerana bandar-bandar utama di Filipina yang merupakan antara ekonomi yang paling pesat membangun di rantau Asia sedang di bawah perintah sekatan pergerakan semenjak pertengahan Mac. **KDNK Filipina berkemungkinan akan menyusut -0.2 peratus pada 2020 sebelum meningkat 7.7 peratus pada 2021.** Pemulihan ekonomi dijangka dalam bentuk-U berikutan penurunan suku pertama dan penguncupan pada dua suku berikutnya tahun ini. Pemulihan kemudiannya adalah berdasarkan kepada andian wabak dapat dikendalikan pada separuh kedua 2020. Berdasarkan keadaan harga minyak yang sedang jatuh, **inflasi dijangka bertumbuh pada kadar purata 2.0 peratus** berbanding 2.2 peratus yang diunjurkan. Sementara itu**, inflasi dijangka meningkat kepada 2.45 peratus pada 2021** berbanding 2.4 peratus yang diramalkan. (Reuters)

## 2. PENEMUAN UTAMA PETIKAN AKHBAR

1) **Chinese Chambers of Commerce and Industry of Malaysia** (ACCCIM) berpendapat bahawa Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) perlu **mempertimbangkan untuk membenarkan lebih banyak industri sektor pembuatan** memulakan operasi semula dalam tempoh lanjutan PKP bagi mengekalkan rantaian bekalan bahan mentah secara global.

2) FMM melaksanakan tinjauan mengenai kesan MCO terhadap perdagangan, berdasarkan maklum balas daripada 453 responden **anggaran kerugian eksport adalah RM4.7 bilion.**

3) **Kira-kira 15 peratus hotel di Malaysia** berkemungkinan menutup operasi kerana pandemik Covid-19. Berdasarkan survei yang dilaksanakan oleh Persatuan Hotel Malaysia (MAH), **50 peratus pengusaha hotel bercadang menutup operasi** manakala **35 peratus akan menghentikan** sementara perniagaan. Terdapat **sejumlah 4,880 hotel, termasuk hotel bajet berdaftar** dengan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia.

4) Jualan saham tempatan oleh pelabur asing terus **menyaksikan peningkatan dalam tempoh 20 hingga 23 April daripada RM456.09 juta (13 hingga 16 April) kepada RM889.62 juta berikutan kejatuhan harga minyak**. Selain itu, petunjuk ekonomi seperti Indeks Pengurus Pembelian (IPP) yang menurun di negara-negara maju pada April juga menyebabkan sentimen pasaran yang lemah.

5) Syarikat penerbangan di bawah MAG iaitu Malaysia Airlines, MABkargo, MASwings dan Firefly menawarkan **perkhidmatan penerbangan peralatan dan bekalan kesihatan** serta menerbangkan kakitangan perubatan di seluruh negara termasuk kawasan luar bandar di Sabah dan Sarawak sebagai tanda sokongan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia dalam membanteras COVID-19.

6) **Sebanyak 3.8 juta penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) dan Bantuan Prihatin Nasional (BPN)** kini diberi perlindungan insurans di bawah **skim mySalam**. Insurans ini diberikan secara automatik kepada semua penerima BSH, disediakan oleh Great Eastern Takaful Berhad yang **merangkumi 45 penyakit kritikal termasuk COVID-19**. Skim ini akan diperluas untuk merangkumi **kira-kira lapan juta orang** yang tidak menerima BSH dengan pendapatan tahunan kurang dari RM100,000 dan berumur antara 18 hingga 65 tahun.

7) **PERKESO mensasarkan** untuk memperluaskan liputan Sistem Insurans Pekerja (SIP) supaya lebih menyeluruh terutama kepada **pekerja yang bekerja sendiri di dalam sektor informal**. PERKESO serta agensi-agensi di bawah PERKESO telah bersedia dengan pelbagai program dan strategi pasca Covid-19 **sebagai penyelesaian isu pengangguran terutamanya** untuk membantu pekerja yang terkesan dan untuk memperoleh pekerjaan semula.

8) **Syarikat korporat** telah mula **melaksanakan langkah berjimat cermat** untuk mengekalkan operasi dalam tempoh PKP dengan mengambil langkah **pengurangan bayaran** kepada pengarah bebas, **pengurangan gaji dan elaun tetap** serta meminta pekerja untuk **mengambil cuti tanpa gaji atau cuti tahunan pada setiap Jumaat** mulai 8 Mei hingga 30 Jun 2020.

9) Kerajaan akan memastikan **Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) kekal bertahan** dalam menghadapi cabaran ekonomi terutamanya masalah aliran tunai sepanjang tempoh PKP. PKS merupakan sektor utama yang merangkumi lebih daripada **dua pertiga pekerjaan di negara ini** dan meliputi **hampir 40 peratus ekonomi Malaysia**.

10) **Badan Peguam Malaysia** menggesa kerajaan memberi peluang **kepada firma guaman untuk meneruskan operasi** semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). **Profesion perundangan memainkan peranan penting kepada ekonomi** dalam memberi sokongan **kepada sektor hartanah dan perbankan** serta operasi melibatkan kontrak dan urus niaga, pasaran modal, pemulihan hutang, ketidakmampuan bayar dan perlindungan hartanah intelek.

11) **Kerajaan bersetuju membenarkan klinik veterinar swasta** beroperasi semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berkuatkuasa 29 April 2020 tetapi hanya terhad beroperasi berdasarkan **temujanji dengan pelanggan.**

| A. | Bahagian Perangkaan Akaun Negara (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **The Edge Markets** | **Cover Story: Surviving the wait**<br><br>The MCO was imposed because we need to bite the bullet and suffer short-term pain so that the spread of Covid-19 can be curbed. We need to take it seriously. We can't let the crisis prolong. If you asked me, I would like all businesses to continue operating, but it is equally important to break the chain of infections.<br><br>Sunway University Business School economics professor Dr Yeah Kim Leng said although some manufacturers are considered as part of essential services, they have to be better managed and streamlined so that there is no loss of productivity, which may affect their supply and performance of goods.<br><br>"Delays will affect their business costs. This is something that can be avoided. It is important for us to minimise the impact. We need to have a smart way to do this, we need to allow less-risky industries to start working again," he says. | https://www.theedgemarkets.com/article/cover-story-surviving-wait |

Penemuan penting & isu:

1. Pelbagai bantuan dari pihak kerajaan dapat membantu mengurangkan kesan kepada impak ekonomi selama tiga hingga enam bulan, namun impak ekonomi akan menjadi lebih teruk sekiranya tempoh PKP dipanjangkan. Pada masa yang sama, industri pembuatan yang dikelaskan

| | | | |
|---|---|---|---|
| | sebagai perkhidmatan penting perlu dikendalikan dengan lebih baik agar tidak berlaku kehilangan produktiviti dan segala jenis kelewatan akan mempengaruhi kos perniagaan dan rantaian bekalan. | | |
| Maklumbalas Bahagian:<br>1. Pandemik COVID-19 telah mengganggu pengoperasian aktiviti ekonomi, termasuk rangkaian rantaian bekalan bahan mentah dan penjualan produk yang dihasilkan kepada pengguna global. Pembukaan semula aktiviti sektor pembuatan khususnya yang melibatkan rantaian bekalan bahan mentah akan memberi kesan positif kepada prestasi pertumbuhan sektor pembuatan dan secara langsung dapat membantu meransangkan ekonomi negara. Sektor Pembuatan menyumbang sebanyak 22.3 peratus kepada KDNK Malaysia pada Tahun 2019 dengan pertumbuhan 3.8 peratus berbanding tahun 2018 (5.0%). | | | |
| **B.** | **Bahagian Perangkaan Perkhidmatan (DOSM)** | | |
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| | **A. Subsektor Perdagangan Borong & Runcit** | | |
| 1. | **Berita Harian** | **Syarikat besar mula ambil langkah jimat cermat**<br><br>Tan Chong Motor Holdings Bhd (TCMH) dan Berjaya Corp Bhd memutuskan pelaksanaan langkah berjimat cermat untuk mengekalkan operasi mereka semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan untuk melindungi kesejahteraan syarikat pada masa depan.<br><br>Pengarah bebas TCMH menawarkan agar bayaran kepada mereka dikurangkan serta merta ketika syarikat mencatatkan perolehan semasa yang sifar, manakala barisan pengurusan kanan akan menerima pemotongan gaji di antara 20 peratus dan 30 peratus. | https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2020/04/681969/syarikat-besar-mula-ambil-langkah-jimat-cermat |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | **B. Subsektor Pengangkutan & Penyimpanan** | | |
| 2. | **Bernama** | **Malaysia Airlines ferries Chinese medical experts to Kuching**<br><br>Malaysia Airlines is providing an integral connectivity for the contingent of medical experts, handpicked by China's National Health Commission, who are sharing their expertise in dealing with COVID-19 that has swept the nation.<br><br>Since the COVID-19 outbreak, airlines under the MAG, namely Malaysia Airlines, MABkargo, MASwings and Firefly supported the Ministry of Health (MoH) with movement of health equipment and supplies, as well as offering to fly medical staff across its domestic and international network, including rural areas of Sabah and Sarawak.<br><br>The airlines have also positioned standby aircraft at the Subang Airport, KLIA and Kota Kinabalu International Airport to initiate rapid mobilisation of medical staff and professionals, as well as other (non-COVID-19) patients to support the MoH's capacity/resource management efforts across Malaysia. | https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=1835973 |
| | **C. Subsektor Penginapan** | | |
| 3. | **New Straits Times** | **15 per cent of hotels in Malaysia may have to close operations** | https://www.nst.com.my/news/nation/2020/04/587662/15-cent-hotels- |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Based on the survey conducted by Malaysian Association of Hotels (MAH), approximately 15 per cent of the hotels in Malaysia may have to shut down their operations due to COVID-19 pandemic.<br><br>Meanwhile, 50 per cent of the hotels responded are considering ceasing operations and 35 per cent of hoteliers said they would temporary halt their businesses. Hotel operators would remain closed at least till year end, while some said they would only resume their businesses after a vaccine for COVID-19 is found. | malaysia-may-have-close-operations |

Penemuan penting & isu:

1. Tan Chong Motor Holdings Bhd (TCMH) yang merupakan pengedar Nissan akan melaksanakan langkah penjimatan melalui pemotongan gaji pekerja bagi mengekalkan operasi mereka semasa PKP.
2. Syarikat penerbangan di bawah MAG iaitu Malaysia Airlines, MABkargo, MASwings dan Firefly menawarkan perkhidmatan penerbangan peralatan dan bekalan kesihatan serta menerbangkan kakitangan perubatan di seluruh negara termasuk kawasan luar bandar di Sabah dan Sarawak sebagai tanda sokongan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia dalam membanteras COVID-19.
3. Malaysian Association of Hotels (MAH) memaklumkan 50 peratus hotel akan menghentikan operasi, 35 peratus pengusaha tutup sementara dan bakinya akan membuka semula premis setelah vaksin COVID-19 ditemui.

Maklumbalas Bahagian:

1. Bahagian sentiasa mengambil perhatian terhadap prestasi beberapa industri yang terkesan akibat pandemik COVID-19 ini. Pemantauan secara berterusan juga akan dilaksanakan dan akan menjadi salah satu indikator dalam penyusunan statistik bagi suku pertama dan kedua tahun 2020.

| C. | Bahagian Perangkaan Perdagangan Antarabangsa (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Free Malaysia Today** | **Sabah orders closure of oil palm plantation, mill**<br><br>An oil palm plantation and mill in Kinabatangan have been ordered closed by the state health authorities following the detection of a direct contact Covid-19 case.<br><br>Sabah accounts for about 25% of palm oil production in Malaysia. | https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2020/04/25/sabah-orders-closure-of-palm-oil-plantation-mill/ |
| 2. | **New Straits Times** | **China seizes over 89 million shoddy face masks**<br><br>China has confiscated over 89 million poor quality face masks as Beijing faces a slew of complaints about faulty protective gear exported worldwide.<br><br>Demand for protective equipment has soared as nations across the globe battle the deadly coronavirus, which has infected around 2.9 million people.<br><br>China is producing more than 116 million masks per day. It has exported more than one billion masks this year so far. China has also signed contracts to export medical materials worth $1.41 billion to 74 countries and six international organizations. | https://www.nst.com.my/world/world/2020/04/587678/china-seizes-over-89-million-shoddy-face-masks |

| |
|---|
| Penemuan penting & isu:<br>1. Sabah mengarahkan penutupan ladang dan kilang minyak sawit di Kinabatangan disebabkan kakitangan dalam industri itu mempunyai kontak rapat dengan pesakit COVID-19. Sabah menyumbang 25 peratus daripada jumlah minyak sawit negara.<br>2. Permintaan terhadap peralatan perlindungan naik mendadak berikutan seluruh dunia sedang bergelut dengan wabak COVID-19. Namun, terdapat beberapa negara yang mengeluh kerana topeng muka dan lain-lain produk perubatan yang dieksport oleh China didapati tidak berkualiti. China menghasilkan lebih 116 juta topeng muka setiap hari dan mengeksport lebih satu bilion topeng muka pada tahun ini. China juga menandatangani kontrak untuk mengeksport barangan kesihatan bernilai AS$1.41 bilion (RM6.15 bilion) ke 74 negara dan enam organisasi antarabangsa. |
| Maklumbalas Bahagian:<br>1. Nilai import **minyak sawit** (HS 1511) pada tahun 2019 ialah RM2.3 bilion. Sumber utama import ialah dari Indonesia yang bernilai RM 2.1 bilion. Pada bulan Februari 2020, Malaysia mengimport minyak sawit bernilai RM185.0 juta. Berasaskan tahun ke tahun, import minyak sawit jatuh sebanyak RM19.9 juta atau 9.7% daripada RM204.9 juta. Manakala, nilai eksport minyak sawit ialah RM34.5 bilion. Malaysia mengeksport minyak sawit ke India (RM8.0 bilion, 23.2%), China (RM3.6 bilion, 10.6%) dan Pakistan (RM1.9 bilion, 5.5%). Pada bulan Februari 2020, eksport minyak sawit bernilai RM2.8 bilion. Berasaskan tahun ke tahun, eksport minyak sawit meningkat RM331.1 juta atau 13.2% daripada RM2.5 bilion. Import dan eksport bagi minyak sawit pada tahun 2020 dikhuatiri akan terjejas sekiranya berlaku penutupan ladang dan kilang minyak sawit ketika penularan wabak COVID-19.<br>2. Nilai import **topeng muka** (HS 6307 90 4000) pada tahun 2019 ialah RM6.9 juta. Antara sumber utama import ialah China (RM2.9 juta, 42.3%) dan Taiwan (RM1.7 juta, 23.8%). Pada bulan Februari 2020, import topeng muka bernilai RM1.5 juta. Berasaskan tahun ke tahun, import topeng muka meningkat RM1.3 juta atau 755.7% daripada RM170.7 ribu. Import bagi topeng muka dijangka akan meningkat bagi tahun 2020 berikutan penularan wabak Covid-19. Manakala, nilai eksport topeng muka bagi tahun 2019 ialah RM12.0 juta. Tiga destinasi eksport utama ialah Itali (RM2.8 juta, 22.9%), Singapura (RM1.8 juta, 15.1%) dan Rusia (RM1.7 juta, 14.0%). Pada bulan Februari 2020, eksport topeng muka bernilai RM14.0 juta. Berasaskan tahun ke tahun, eksport topeng muka meningkat RM13.0 juta atau 1320.3% daripada RM987.6 ribu. Pada 23 Mac 2020, Malaysia telah melarang eksport semua topeng muka yang dikeluarkan oleh syarikat tempatan bagi memastikan bekalannya mencukupi untuk rakyat Malaysia sepanjang tempoh penularan wabak COVID-19.<br>3. BPPA akan terus memantau dan mengkaji trend import dan eksport bagi produk yang berkaitan ketika penularan wabak COVID-19. |

| D. | Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri dan Binaan (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Free Malaysia Today** | **'We can only pray' – helping broke, hungry, foreign families furloughed from work**<br><br>Just a few weeks ago the men here were earning up to RM65 a day, until the movement control order (MCO) halted construction work and they were all laid off.<br><br>Their cash has run out, and they are getting nothing from their employers. Hunger is now a daily fact. How to feed their children, a constant worry. | https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2020/04/26/we-can-only-pray-helping-broke-hungry-foreign-families-furloughed-from-work/ |
| 2. | **The Edge Markets** | **Cover Story: Breaking the chain of infection without breaking the supply chain**<br><br>The Associated Chinese Chambers of Commerce and Industry of Malaysia (ACCCIM) president Tan Sri Ter Leong Yap opines that it is time for the Ministry of International Trade and Industry (MITI) to allow more manufacturers to recommence operations. | https://www.theedgemarkets.com/article/cover-story-breaking-chain-infection-without-breaking-supply-chain |

Penemuan penting & isu:

1. Pekerja asing pembinaan kelaparan disebabkan tiada pendapatan dan pemberhentian kerja akibat perintah kawalan pergerakan (MCO).
2. Dewan Perniagaan dan Industri Cina Bersekutu Malaysia (ACCCIM) berpendapat sudah waktunya MITI membenarkan lebih banyak pengeluar memulakan operasi. Namun begitu, industri yang dibolehkan beroperasi harus memikul tanggung jawab menjaga dan melakukan tindakan pencegahan kesihatan yang diperlukan terhadap Covid-19 setiap masa.
3. Berdasarkan maklum balas daripada 453 responden tinjauan FMM mengenai kesan MCO terhadap perdagangan, anggaran kerugian eksport adalah RM4.7 bilion.

Maklumbalas Bahagian:

1. Pemantauan berterusan syarikat-syarikat yang terkesan akibat pandemik COVID-19.
2. Bahagian akan terus membuat semakan terhadap projek-projek yang beroperasi sepanjang PKP dan penggunaan pekerja termasuk penglibatan warga asing dalam tenaga kerja industri semasa tempoh PKP.

| E. | Bahagian Perangkaan Imbangan Pembayaran (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Berita Harian** | **Terima 900 permohonan permit untuk kembali ke Malaysia**<br><br>Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Singapura menerima 900 permohonan permit daripada rakyat tempatan yang bekerja di republik itu untuk pulang ke negara ini. Hanya 400 rakyat Malaysia dari Singapura akan diterima masuk ke dalam negara setiap hari melalui kedua-dua pintu masuk, iaitu Bangunan Sultan Iskandar dan Kompleks Sultan Abu Bakar di Johor Bahru. Ini bagi melancarkan pergerakan masuk mereka yang terkandas di negara berkenaan ketika tempoh PKP. Mereka yang pulang dari Singapura ini perlu menjalani kuarantin selama 14 hari. | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/681842/terima-900-permohonan-permit-untuk-kembali-ke-malaysia |
| 2. | **Berita Harian** | **Harga minyak jatuh, pelabur asing jual saham tempatan**<br><br>Pelabur asing terus menjual ekuiti Malaysia dalam tempoh 20 hingga 23 April, dengan jualan bersih meningkat kepada RM889.62 juta daripada RM456.09 juta pada 13 hingga 16 April berikutan minat untuk | https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/04/681857/harga-minyak-jatuh-pelabur-asing-jual-saham-tempatan |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | mengambil risiko terjejas oleh sentimen pasaran yang lemah susulan kejatuhan harga minyak. Kontrak Mei untuk West Texas Intermediate (WTI), antara tiga indeks penanda aras untuk minyak mentah, jatuh kepada -US$37.63 setong berikutan spekulator segera menutup kedudukan terbuka mereka.<br><br>Pada masa sama, petunjuk ekonomi terutamanya sentimen perniagaan seperti yang ditunjukkan oleh Indeks Pengurus Pembelian (IPP) yang merosot di negara-negara maju pada April. | |

Penemuan penting & isu:

1. Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Singapura telah menerima 900 permohonan permit kemasukan daripada rakyat tempatan yang bekerja di negara tersebut. Hanya 400 orang akan diterima masuk ke dalam negara setiap hari bagi melancarkan pergerakan masuk di kedua-dua pintu sempadan semasa tempoh PKP.
2. Jualan saham tempatan oleh pelabur asing terus menyaksikan peningkatan dalam tempoh 20 hingga 23 April daripada RM456.09 juta (13 hingga 16 April) kepada RM889.62 juta berikutan kejatuhan harga minyak. Selain itu, petunjuk ekonomi seperti Indeks Pengurus Pembelian (IPP) yang menurun di negara-negara maju pada April juga menyebabkan sentimen pasaran yang lemah.

Maklumbalas Bahagian:

1. Penerimaan 900 permohonan permit rakyat Malaysia yang berada di Singapura untuk kembali ke tanah air semasa tempoh PKP bakal memberi kesan kepada Akaun semasa melalui komponen Perjalanan dan Pendapatan Sekunder. Pada tahun 2019, komponen Perjalanan telah merekodkan lebihan sebanyak RM30.9 bilion manakala akaun Pendapatan Sekunder mencatatkan defisit sebanyak RM21.2 bilion.
2. Peningkatan jualan bersih dalam pasaran ekuiti tempatan yang melibatkan aliran keluar bersih bakal menjejaskan penyusunan statistik Akaun Kewangan terutamanya dalam komponen Ekuiti. Aliran keluar bersih sebanyak RM34.3 bilion telah direkodkan dalam Akaun Kewangan pada tahun 2019.

| F. | Bahagian Petunjuk Ekonomi (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Bernama** | **COVID-19 war: How financial know-hows can help in the new normal**<br><br>Several initiatives under the PRIHATIN Rakyat Economic Stimulus Package (PRIHATIN), such as the wage subsidy programme as well as the Employees Provident Fund's (EPF) i-Lestari and e-CAP have also helped to alleviate the financial burden on employers and employees alike.<br><br>71.4 per cent of self-employed members have less than one month's worth of savings in their EPF accounts, while 82.7 per cent of private sector employees have only saved enough to support themselves for less than two months.<br><br>Malaysians could stretch their ringgit a little further, and, if the funds are used wisely, they could actually capitalise on these financial aids to turn it into something good and more meaningful for them and their family. | https://www.bernama.com/en/business/news.php?id=1835874 |
| 2. | **Bernama** | **3.8 million of BSH recipients protected under mySalam scheme to date**<br><br>A total of 3.8 million recipients of the Bantuan Sara Hidup (BSH) and Bantuan Prihatin Nasional (BPN) are currently | https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=1835888 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | insured under the mySalam scheme.<br><br>The insurance coverage, provided by Great Eastern Takaful Berhad, is given automatically to all BSH recipients. The insurance covers 45 critical illnesses including COVID-19.<br><br>The scheme will be expanded to include some eight million of those who do not receive BSH with an annual income of less than RM100,000, aged between 18 and 65 years. | |
